

07 JUL 1998

ANWAR LAWAT KELANTAN KHAMIS INI

KOTA BAHARU, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada Khamis ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, Anwar dijadual tiba pada pukul 2.30 petang untuk merasmikan majlis pelancaran dan perjanjian Kemas Nury di Sekolah Menengah Bachok, kira-kira 30 km dari sini.

Selepas itu, Anwar dijadual meninjau projek ternakan ayam telur yang diusahakan melalui Projek Pembangunan Rakyat Termiskin di Gading Galoh, Kok Lanas kira-kira 20 km dari sini, katanya di sini malam tadi.

Anwar dijadual pulang ke ibu negara pada sebelah malam.

Sementara itu, tarikh lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini yang dijadualkan pada 21 Julai ini ditunda kepada 22 Ogos depan.

Penundaan itu, kata Annuar, adalah bagi membolehkan persiapan rapi diatur sempena kedatangan Dr Mahathir kelak.

Katanya, Barisan Nasional akan menganjurkan dua sesi pertemuan iaitu perhimpunan bersama rakyat yang dirancangkan di Kampung Chengal, Ketereh kira-kira 20 km dari sini dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin komponen BN negeri.

-- BERNAMA

ZI AKD